

**Pembangking Perlu Muafakat Bentuk Kabinet Bayangan Sebelum Ganti Kerajaan BN, Kata Tunku Aziz
Bernama
28 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Pakatan pembangkang perlu bermuafakat dalam membentuk sebuah kabinet bayangan sebelum bercakap mengenai cita-cita mahu menggantikan kerajaan Barisan Nasional (BN), kata bekas naib pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim.

Beliau berkata Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS dan DAP perlu mencapai kesepakatan dalam menamakan kabinet bayangan kerana 'ketika ini mereka tidak pun tahu siapa yang memegang jawatan apa.'

"Pengerusi DAP Karpal Singh berkata setiausaha agungnya Lim Guan Eng akan menjadi perdana menteri. Guan Eng berkata beliau tidak layak dan sebagainya," katanya pada sidang media di rumahnya di Bandar Sri Damansara di sini Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perdebatan semasa dalam pakatan pembangkang mengenai pemilihan calon perdana menteri dan hak bukan Melayu menjadi perdana menteri.

Sabtu lalu, Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata soal bangsa tidak perlu dipertikaikan untuk seseorang menjadi perdana menteri asalkan dia beragama Islam.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669269>